



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHAMAD BIN AWANG
USAHAWAN**

OLEH:

FATIN NABILA BT ZABIDI	2013790837
NURHIDAYAH BT AHMAD DZARAWI	2013127931

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHAMAD BIN AWANG
USAHAWAN**

OLEH:

FATIN NABILA BT ZABIDI	2013790837
NURHIDAYAH BT AHMAD DZARAWI	2013127931

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.T

Bersyukur kami ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kami menyiapkan kerja kursus dengan jayanya. Kami telah diberi tugas kerja kursus bagi matapelajaran dokumentasi oral. Kami diberi peluang untuk mencari dan memilih mana-mana tokoh yang sesuai serta dikehendaki menemubual tokoh tersebut, meneliti dan mempersembahkan hasil kerja kami dalam bentuk penulisan.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah kami kerana telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak berkongsi maklumat dan pengetahuan yang berguna bagi kami.

Tidak lupa juga jutaan ucapan terima kasih tokoh yang kami menemubual iaitu Encik Mohamad Bin Awang kerana banyak memberikan kerjasama kepada kami sepanjang sesi temubual ini. Hal ini demikian kerana, bagi mendapatkan hasil yang baik kami perlulah menitikberatkan segalanya sepanjang kami menyiapkan tugas ini.

Jutaan ucapan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa kami kerana banyak memberikan sokongan moral kepada kami sepanjang tempoh ini. Hal ini demikian kerana, bagi mendapatkan hasil yang baik kami perlulah menitikberatkan perihal emosi kami sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Ibu bapa kami sentiasa berada di sisi kami dan memberi dorongan kepada kami untuk terus berusaha.

Ribuan terima kasih juga kepada rakan-rakan kami yang banyak berkongsi maklumat-maklumat berguna. Perkongsian anda sangat bermakna dan telah banyak meringankan beban kami dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh ini.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	13
Bahagian 3: Pekerjaan Awal Tokoh.....	17
Bahagian 4: Perniagaan Tokoh.....	22
Bahagian 5: Pendapat Tokoh.....	49
Rujukan.....	53
Lampiran	
Log Wawancara.....	54
Diari Kajian.....	61
Senarai soalan.....	63
Surat Perjanjian.....	68
Gambar.....	69
Indeks.....	71

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Dokumentasi oral ini merupakan dokumentasi berkaitan hasil wawancara bersama seorang tokoh perniagaan yang terkenal di Kelantan iaitu Encik Mohamad b. Awang. Penemuramah yang terlibat dalam sesi wawancara dan dokumentasi oral adalah terdiri daripada dua orang pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan iaitu Fatin Nabila binti Zabidi dan Nurhidayah binti Ahmad Dzarawi. Sesi wawancara ini dijalankan di rumah tokoh selama dua jam. Tokoh diwawancara tentang kejayaan tokoh tersebut dalam membuka dan menjayakan perniagaan beliau. Perniagaan beliau adalah perniagaan chalet yang dibuka untuk tujuan pelancongan di kawasan Bachok, Kelantan. Isi kandungan wawancara ini juga melibatkan soalan-soalan yang berkaitan dengan perjalanan karier tokoh sebagai seorang usahawan dan bagaimana beliau membuka dan menjayakan perniagaan beliau sehingga sekarang. Semua kenangan pahit dan manis yang dilalui oleh tokoh selama menguruskan perniagaan beliau juga ada diceritakan di dalam transkrip ini. Dokumentasi oral ini juga terdiri daripada log wawancara yang digunakan sebagai panduan soalan ditujukan kepada tokoh tersebut. Selain daripada itu, diari kajian juga ditulis sebagai panduan kepada pembaca transkrip ini.*

Kata kunci: *Wawancara, Tokoh, Perniagaan, Chalet, Kejayaan, Pelancongan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



1.	Nama Penuh:	Mohamad Bin Awang (Paksu)
2.	Umur:	61 tahun
3.	Tarikh lahir:	4 December 1954
3.	Alamat Surat-Menyurat:	Sri Perkasa Chalet, Kampung Sungai Dua, 16310, Bachok Kelantan
4.	Kelahiran:	Kampung Sungai Dua, 16310, Bachok Kelantan
5.	Jantina:	Lelaki
6.	Bangsa:	Melayu
7.	Pendidikan (Rendah, Menengah dan Tinggi):	Rendah (Sekolah Kebangsaan Sungai Dua)
8.	Keluarga (Adik-beradik, Isteri dan Anak):	Adik-beradik: 5 orang Isteri: Embong : 45 tahun Anak: 6 orang
9.	Bidang:	Perniagaan
10.	Kerjaya:	Pengusaha Industri Pelancongan
11.	Sumbangan:	Memberi kemudahan tempat penginapan kepada para pelancong yang ingin bercuti.

PENGENALAN

PENGENALAN

Sektor pelancongan merupakan salah satu aktiviti melawat, melancong atau mengembara ke suatu tempat lain yang melebihi lima puluh batu dari tempat kediaman tidak lebih dari satu tahun untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang.

Kami telah melakukan tugas dan sesi temubual ini untuk memenuhi syarat-syarat bagi tugas dokumentasi oral. Melalui tugas dan sesi temubual ini, kami dapat mengetahui serba sedikit tentang tokoh yang berjaya dalam bidang industri iaitu Encik Mohamad Bin Awang.

Encik Mohamad yang dikenali sebagai paksu dari seorang nelayan dan memulakan perniagaan dalam sektor pelancongan sejak 15 tahun yang lalu ketika berusia 46 tahun. Beliau memulakan perniagaan dengan hanya memiliki beberapa buah chalet milik beliau di Pantai Perkasa, Bachok.

Encik Mohamad juga memulakan perniagaan dalam sektor pelancongan apabila merasakan yang beliau mampu menguruskan perniagaan itu kerana memiliki tanah seluas 4 hektar di tepi pantai. Sehingga sekarang beliau masih menguruskan perniagaan ini malah semakin bertambah dari segi chalet dan mendapat sambutan yang memberangsangkan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman yang berkisah tentang kehidupan tokoh Mohamad Bin Awang memulakan kehidupan sebagai seorang pengusaha chalet. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

MA: Mohamad Awang

NAD: Nurhidayah Ahmad Dzarawi

FNZ: Fatin Nabila Zabidi

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

RAKAMAN SATU BAHAGIAN SATU (MULA)

**NAD : Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang diri encik?
Contoh nama penuh, nama gelaran, umur, tarikh lahir, tempat lahir.**

MA : Macam tempat lahir Paksu *ni* [ini] dulu Kampung Sungai Dua.

NAD : Nama penuh Paksu?

MA : Nama penuh Mohamad bin Awang.

NAD : Umur Paksu sekarang?

MA : Tarikh lahir *tu* [itu] *sembilan belas lima puluh empat* [1954] *bulan dua belas* [12]

NAD : *Sembilan belas lima puluh empat* [1954]. *Bulan dua belas* [12]?

MA : Ya. *Empat haribulan dua belas* [4/12]. (ketawa)

NAD : **Selepas *tu* [itu] boleh Paksu ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang keluarga Paksu? Nama ayah, nama ibu, pekerjaan ayah.**

MA : Boleh. Setakat nama ibu *tu* [itu] rasa (ketawa) tetapi tarikh lahir *tu* [itu] Paksu tidak ingat sebab Paksu tidak mengambil berat *mana* [sangat] (ketawa). Nama ayah Awang bin Awang Mat.

NAD : **Nama ibu?**

MA : Nama ibu Halijah binti Derahman.

NAD : **Adakah mereka asal dari Kelantan?**

MA : Ya. Asal Kelantan *dua-dua* [kedua-duanya] tapi kampung *lain-lain* [berlainan].

NAD : **Ayah dari kampung mana?**

MA : Ayah dari kampung, kalau dahulu terkenal orang panggil Kampung Anak Rhu.

NAD : **Mak Paksu?**

MA : Mak *tu* [itu] Kampung Sungai Dua, disini.

NAD : Oh bermakna Paksu sekarang menetap di Kampung Sungai Dua.

MA : Ya. Kampung mak.

NAD : **Berapakah bilangan adik-beradik Paksu?**

MA : Adik-beradik *tu* [itu] kalau di kira jumlah semuanya *sepuluh* (10) tetapi meninggal *lima* [5], tinggal *lima* [5].

NAD : **Paksu anak yang ke berapa?**

MA : Paksu rasa (ketawa) kalau dengan tepat *tu* [itu] Paksu *tak* [tidak] ambil berat juga *tu* [itu], kalau yang *mati-mati* [meninggal] *tu* [itu] dahulu Paksu tidak *caro* [kisah] mana.

NAD : Jika dikira dari yang masih hidup?

MA : Kalau kira yang ada *ni* [ini] Paksu kira yang *ketiga* [3]. Yang *mati-mati* [meninggal] *tu* [itu] Paksu tidak ingat (ketawa), Paksu tidak ambil berat mana yang *tu* [itu] (ketawa).

NAD : Selepas itu mahu mengetahui mengenai keluarga Paksu sekarang. Semasa umur berapakah Paksu mendirikan rumah tangga? Bila Paksu mendirikan rumah tangga? Jika mampu mengingati tarikh perkahwinan atau umur.

MA : Paksu kalau nak beritahu tarikh, anak *tu* [itu] dalam lebih kurang *tiga puluh lima* [35] kalau yang sulung.

NAD : Anak yang sulung berumur tiga puluh lima [35] tahun?

MA : Ya. Adik boleh cari (ketawa) dalam *lima puluh empat* [54] tahun. Lebih kurang begitu (ketawa).

NAD : Sudah berapa tahun Paksu mendirikan rumah tangga?

MA : Kalau anak *tu* [itu] *tiga puluh lima* [35], dalam *tiga puluh enam* [36] tahun. Lebih kurang begitu (ketawa).

NAD : **Siapa nama isteri Paksu?**

MA : Nama penuh *dia* [isteri] - Paksu *tak* [tidak] berapa ingat. Orang panggil, kalau di sekolah panggil Embong.

NAD : **Berapakah umur isteri Paksu?**

MA : Umur *dia* [isteri], (ketawa) Paksu *tak* [tidak] *caro* [kisah] mana.

NAD : **Dalam empat puluh [40] an begitu?**

MA : Ya. Dalam *empat puluh* [40] an begitu. Lebih kurang dalam *empat puluh lima* [45].

NAD : **Asal dari Kelantan?**

MA : *Dia* [isteri] asal, orang dari Pasir Puteh. Bawah jajahan Pasir Puteh. Kampung Sat.

NAD : **Adakah isteri Paksu bekerja?**

MA : Kerja *dulu* [dahulu] *tu* [itu] sebelum Paksu *bangun* [membangunkan] chalet-

chalet *tu* [itu] sebagai petani dahulu.

NAD : Bersama isteri sebagai petani?

MA : Ya. Kalau *dulu* [dahulu] sebelum memulakan pusat peranginan.

NAD : Berapakah bilangan anak Paksu?

MA : Anak *enam* [6] orang.

NAD : Berapa lelaki? Berapa perempuan?

MA : Lelaki *tiga* [3] orang, silap Lelaki *empat* [4] orang dan perempuan *dua* [2] orang.

NAD : Jika dapat mengetahui nama anak-anak Paksu dengan umur mereka sekali?

MA : Ya. Yang *tu* [itu] Paksu *tak* [tidak] tahu.

NAD : Jika nama anak, Paksu mengingati? Nama anak yang sulung sampai

yang bongsu.

MA: : Nama *tu* [itu] tertukar juga (ketawa). Nama *tu* [itu] tanya *Maksu* [isteri] nanti. *Maksu* [isteri] yang ingat (ketawa). Kita susah mengingati sebab takut tertukar. *Maksu* (isteri) mengetahui, Paksu tidak ambil kira hal-hal begitu (ketawa).

NAD : Berapa orang yang sudah bekerja? Berapa orang yang masih belajar?

MA : Yang masih belajar *satu* [1] orang.

NAD : *Satu* (1) orang yang masih belajar, yang lain bekerja?

MA : Yang bekerja, bekerja dengan Paksu *satu* [1] orang. Selepas *tu* [itu] bekerja sebagai pegawai *rendah-rendah* [bawahan] *gitu* [begitu] (ketawa).

RAKAMAN SATU BAHAGIAN SATU (TAMAT)

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH

RAKAMAN SATU BAHAGIAN DUA (MULA)

NAD : **Boleh Paksu ceritakan serba sedikit mengenai pendidikan Paksu? Bilakah Paksu memulakan zaman persekolahan? Tahun berapa Paksu mula persekolahan? Bila *start* [mula] sekolah rendah?**

MA : Disebabkan tarikh lahir Paksu *empat haribulan dua belas* [4/12], kira *dua belas* [12] tahun.

NAD : ***Dua belas* [12] tahun selepas tu [itu]?**

MA : (ketawa) *Dia* [Nurhidayah] tahu. Paksu mana ingat (ketawa). Yang *tu* [itu] adik kira sendiri nanti tahu (ketawa).

NAD : **Yang ini mengenai zaman sekolah rendah. Nama sekolah Paksu?**

MA : Sekolah Kebangsaan Sungai Dua. Kampung Sungai Dua.

NAD : **Semasa zaman persekolahan, pernah menyertai mana-mana sukan atau wakil-wakil sekolah atau pertandingan?**

MA : Dahulu *tak* [tidak] ada sukan seperti sekolah sekarang tetapi macam bola-bola *tu* [itu] adalah.

NAD : **Pernah mendapat piala atau anugerah?**

MA : Dahulu *tak* [tidak] ada, jika bermain hanya persahabatan kalau nak ikut *dulu* [dahulu].

NAD : **Hanya wakil sekolah?**

MA : Ya, begitu. Tidak ada hadiah dahulu (ketawa).

NAD : **Ketika zaman persekolahan, apakah kenangan pahit dan manis yang Paksu ingati?**

MA : Kalau kira yang pahit *tu* [itu] *tak* [tidak] ada, yang manis *tu* [itu] ada (ketawa).

NAD : **Contoh kenangan manis?**

MA : Yang manis *tu* [itu], kalau zaman sekolah, kalau macam waktu rehat kalau kita keluar mencari buah jamba dan makanan. Kalau kita *mari* [bawa]

masuk, (ketawa) cikgu tidak ambil kesempatan, kira bagi rotan ke, tidak macam *loni* [sekarang].

NAD : **Cikgu hanya memantau sahaja?**

MA : Ya. Tidak ambil berat macam *loni* [sekarang] *tapi* [tetapi] kalau adik nak ulas *tu* [itu] (ketawa), adik fikir betul-betul sebab takut cikgu salah faham (ketawa). Sekolah dahulu begitu, jika lewat ke sekolah tidak ada masalah. Asalkan pergi sahaja.

NAD : Asal pergi sekolah sahaja.

NAD : **Semasa zaman persekolahan, adakah kawan-kawan Paksu panggil Paksu dengan nama lain selain Mohamad?**

MA : Masa *dulu* [dahulu], *pasal* [kerana] di rumah *ni* [ini] kakak selalu panggil adik. Ayah dengan emak panggil Awang. Jadi, di sekolah *ni* [ini] macam kawan-kawan dan jiran-jiran pula panggil gelaran gabung iaitu adik Awang (ketawa) pun dia panggil.

NAD : **Selain *tu* [itu]?**

MA : Selain *tu* [itu] *tak* [tidak] ada (ketawa).

NAD : **Hanya adik Awang?**

MA : Ya (ketawa).

NAD : **Cita-cita Paksu semasa zaman sekolah?**

MA : Cita-cita *tu* [itu] Paksu rasa *tak* [tidak] ada. Paksu kira kalau Tuhan bagi begitu. Paksu bercita-cita nak kerja sendiri, tidak nampak nak kerja makan gaji.

NAD : **Jika cikgu bertanya di dalam kelas, apakah cita-cita bila dewasa. Paksu jawab begitu, bekerja sendiri?**

MA : Ya, Paksu kata paksu nak ternak lembu *gitu* [begitu] sahaja kalau cikgu tanya. Saya *dulu* [dahulu] selalu bela lembu, kita jadi minat.

RAKAMAN SATU BAHAGIAN DUA (TAMAT)

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN TOKOH

RAKAMAN SATU BAHAGIAN TIGA (MULA)

NAD : **Boleh Paksu kongsikan pengalaman bekerja Paksu sejak kali pertama Paksu bekerja? Bila Paksu mula bekerja?**

MA : Mula kerja macam kerja---

NAD : Selepas sekolah kerja terus *ke* [kah]?

MA : Apabila Paksu habis sekolah *tu* [itu], kira kelas *enam* [6]. Paksu kira belajar kerja teruslah.

NAD : **Bekerja dengan orang lain atau ayah sendiri?**

MA : Yang *tu* [itu] dengan ayah.

NAD : **Bermakna umur Paksu ketika itu *dua belas* [12] tahun?**

MA : Ya. Kira habis sekolah *tu* [itu] *dua belas* [12] tahun, *tiga belas* [13] tahun *tu* [itu], ayah suruh kerja terus. Ikut ayah.

NAD : Bekerja di Kampung Perkasa atau di kampung mana?

MA : Ya. Kerja di kampung macam kalau ayah buat ladang sayur atau apa-apa, Paksu akan membantu. Membantu *dia* [ayah] sesetengah dan melakukan untuk Paksu sendiri sesetengah.

NAD : Tempat *tu* [itu] tetap atau tempat berlainan untuk melakukan kerja? Contoh tempat untuk melakukan kerja di Sungai Dua sebulan, di Perkasa sebulan atau memang kekal di Sungai Dua?

MA : Ya. Tempat *tu* [itu] di Sungai Dua, [serentak] tidak ada di tempat lain.

NAD : [serentak] Tidak ada tempat lain.

NAD : Berapa lamakah Paksu bekerja sebagai petani sebelum membuka chalet?

MA : Paksu bekerja sebagai petani *tu* [itu] dalam lebih kurang *dua puluh* [20] tahun.

NAD : Dua puluh [20] tahun? *Start* [mula] dari umur?

MA : Dalam umur *tiga belas* [13] tahun.

- NAD : **Start [mula] umur tiga belas [13] tahun sampai?**
- MA : Sampai kira lebih kurang *dua puluh* [20] tahun sebagai petani.
- NAD : Jika tidak silap, dalam surat khabar Paksu tulis *tu* [itu] Paksu *empat puluh enam* [46].
- MA : Masa *tubik* [keluar] akhbar?
- NAD : Ya.
- MA : Yang *tu* [itu] Paksu *tak* [tidak] ingat. Paksu tahu akhbar *tu* [itu] (ketawa). Semua orang tahu mengenai akhbar *tu* [itu] (ketawa).
- NAD : **Selain membuka chalet *tu* [itu], Paksu masih melakukan pertanian?**
- MA : *Dulu* [dahulu] masa kita nak tumpu ke chalet sepenuh masa, pelanggan tidak ramai seperti sekarang. Jadi kita *tak* [tidak] tinggal lagilah buat ladang, sayur, tembakau dan sebagainya.
- NAD : **Sekarang baru meninggalkan pekerjaan lama?**
- MA : Ya. Dalam, tinggalkan pun sudah lama (ketawa) bukan hanya sekarang.
- NAD : **Selain petani, adakah Paksu melakukan pekerjaan lain?**

MA : Ada ruang seperti ada sampingan seperti jiran-jiran mahu *went out* [keluar] ke Johor, Paksu bagi sewa kenderaan seperti van C20. Paksu tolong hantar juga, mahu mencari duit (ketawa) orang ramai panggil *duit teh* [upah].

NAD : **Bermakna bagi sewa kenderaan?**

MA : Ya. Paksu bagi sewa kenderaan *pasal* [sebab] orang ramai tahu Paksu berpengalaman dalam perjalanan jauh dahulu. Memiliki lesen sejak tahun *tujuh puluh lima* [75] lagi, (ketawa) adik pun *tak* [tidak] ada lagi. (ketawa).

NAD : **Adakah Paksu pernah melakukan pekerjaan sebagai nelayan?**

MA : Ya. Nelayan pun kira *suku* [sebahagian] dari pekerjaan. (ketawa).

NAD : **Bermakna selain memulakan perniagaan ini, banyak melakukan pekerjaan lain?**

MA : Ya. *Selingan* [sampingan] *tu* [itu] banyak juga untuk tambah pendapatan kerana dahulu mahu menumpukan perhatian, dahulu pelanggan *tak* [tidak] ramai. Sekolah juga *tak* [tidak] banyak aktiviti dahulu, cuma datang untuk berkelah (ketawa). Sekarang aktiviti jika datang di tepi pantai, bukan datang hanya untuk bersuka ria kerana melibatkan kokurikulum. (bunyi telefon)

NAD : Bermakna sekarang petani dan nelayan tu [itu] sudah berkurang?

MA : Ya. Paksu sudah berhenti kerana mahu menumpukan perhatian kepada chalet sepenuh masa.

NAD : Adakah sewa kenderaan masih dilakukan?

MA : Sewa kenderaan, Paksu tidak sempat (ketawa) sudah berhenti.

NAD : Mahu *focus* [menumpukan] sepenuhnya?

MA : Ya, chalet sahaja.

RAKAMAN SATU BAHAGIAN TIGA (TAMAT)

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PERNIAGAAN TOKOH

RAKAMAN 2 BAHAGIAN 4 (MULA)

FNZ : **Okay, mula-mula saya nak tanya. Bila Paksu dapat idea nak buat chalet?**

MA : Paksu mendapat idea *tu* [itu] lebih kurang Paksu umur dalam *dua puluh lima* [25] tahun *tu* [itu], Paksu *mikir* [berfikir], jadi Paksu terbayang idea Paksu.

FNZ : **Macam mana Paksu dapat idea itu? Paksu tengok apa yang boleh dapat idea untuk buka chalet?**

MA : Masa Paksu nelayan dahulu, Paksu pergi ke Besut, di Keluang. Paksu tengok suasana kawasan *tu* [itu], Paksu rasa cantik. Paksu tengok macam pengunjung nampak ramai juga macam orang berniaga, jual goreng pisang dan sebagainya Paksu tengok (bunyi deringan telefon) kira nampak, orang kata boleh cari makan. Paksu jadi terlintas (ketawa). Idea Paksu *tu* [itu] Paksu rasa Paksu boleh guna.

FNZ : **Bila Paksu mula buka chalet?**

MA : Paksu buka chalet *tu* [itu], tarikh sebenar Paksu kurang ingat juga, lebih kurang begitu. Tengok macam *tu* [itu] lah. Kalau nak kira tempat *tu* [itu], Paksu *tak* [tidak] ingat juga. Paksu rasa (ketawa) Paksu buat *gitu-gitu* [begitu] *je* [sahaja]. Nak tahu tempat *tu* [itu] susah. *Dah* [sudah] rasa minat,

cukup modal, Paksu buat.

- FNZ** : **Waktu Paksu nak buka chalet ini, Paksu buka seorang diri atau dengan kawan-kawan atau keluarga?**
- MA** : *Tak* [tidak] ada kawan. Dahulu *payah* [susah] kalau nak kerja macam ini di Kelantan kita *ni* [ini] jadi, mereka melihat sebagai mahu membangunkan sesuatu yang dikatakan maksiat. Susah. Masa dahulu, kalau Kelantan *ni* [ini] mereka kata tauke maksiat dan sebagainya. *Payah* [susah] Kelantan kita *ni* [ini]. Jadi orang kata, pahit *maung* [teramat sangat]. Susahlah. Kita kena tempuhi apabila kita sudah minat dan betul-betul, kita kena fikir kita dengan tuhan *tak* [tidak] bermasalah apa-apa dan sebagainya, dengan masyarakat juga tidak ada masalah, kita buat cara kita baru boleh. Kalau kita kira nak ambil masalah, *tak* [tidak] nak berniaga di Kelantan. Sampai hari ini pun, label Paksu ada yang besar, di situ ada orang merosakkannya dalam waktu siang walaupun sama-sama chalet tetapi mereka sanggup. Kalau nak ambil idea dengan orang sebagainya, suruh orang sokong kita juga susah. Paksu kaji dahulu masa Paksu nak buka. Nak mengharapkan orang kampung kita susah. Seperti Paksu ceritakan, bila menyebut mengenai perniagaan *ni* [ini], di tempat lain begitu juga. Adakalanya niaga ini, di tempat lain pun ramai kawan-kawan Paksu cerita, taraf-taraf tok imam sebagainya. Masa kita nak buat, mereka sokong, apabila kita berjaya mereka pakat nak marah pula. Mungkin adik pun banyak *dah* [sudah] nampak orang begini, tidak? Bila kita jadi orang tua kita akan tahu.

FNZ : **Untuk modal bagi membuka chalet, Paksu ada membuat pinjaman atau mengumpul wang?**

MA : Paksu tidak ada pinjam. Paksu agak susah juga Paksu nak pinjam kerana pada peringkat awal didalam Bachok *ni* [ini], Paksu seorang yang buka perniagaan ini. Jadi kalau kita nak pinjam dengan orang, mungkin orang ada pun orang *tak* [tidak] akan bagi pada kita. Nampak begitulah kepala Paksu (ketawa), susah. Kerja ini kira dalam Bachok *ni* [ini], semua orang boleh kata *tak* [tidak] nampak *belako* [semua] dan hanya Paksu seorang. Paksu yang pertama didalam Bachok yang membuka chalet.

NAD : **Selepas itu, Paksu membuka chalet *ni* [ini] dengan sendiri atau menggunakan modal?**

MA : Pada peringkat awal *tu* [itu], Paksu buka dengan sendiri.

NAD : **Sekarang baru mula memperbesarkan?**

MA : Ya. Sekarang dalam lebih (bunyi bertukang) *sepuluh* [10] tahun lebih, Paksu *tak* [tidak] sempat nak bina sendiri. Paksu pun, modal boleh kira bagi Paksu lumayan jugalah boleh upah tukang rumah macam itu. Jadi orang kerja pun akan menolong Paksu walaupun pada hari cuti kerana kasihan kerana mereka melihat pekerjaan Paksu *ni* [ini] tidak bercanggah dengan hukum Islam. Bila mencari tukang rumah itu, Paksu memilih seseorang yang tidak pernah meninggalkan solat dan sebagainya (ketawa) jika yang berbohong *tu* [itu] Paksu tidak akan mengupahnya seperti Paksu menerima pelanggan chalet yang datang sekarang, jika ada perempuan *tu* [itu] Paksu akan bertanya

mengenai sijil nikah dan jika tiada Paksu cadangkan agar ke chalet yang lain. Kita tidak memarahi *mereka* [pelanggan] tetapi kita tidak membenarkan mereka memasuki kawasan chalet kita.

FNZ : Adakah chalet-chalet tersebut Paksu membinanya sendiri atau mengupah seseorang untuk membinanya seperti membangunkan dan membuat chalet-chalet itu sendiri atau upah seseorang?

MA : Dahulu jika ada kesempatan, Paksu akan membinanya sendiri. Jika tidak sempat, ketika Paksu membina *satu* [1] jika mempunyai modal, Paksu akan mengupah seseorang untuk membina yang lain tetapi Paksu akan menyiapkan terlebih dahulu yang Paksu bina sendiri.

FNZ : Bagaimana Paksu menjalankan perniagaan Paksu? Adakah terdapat seseorang yang menguruskan atau Paksu sendiri yang mengurus?

MA : Pada peringkat awal dahulu, Paksu sendiri.

FNZ : Jika sekarang?

MA : Sekarang *tu* [itu], anak dan cucu ataupun upah seseorang (ketawa). Jika dahulu, Paksu sendiri.

FNZ : **Jika ada pelanggan yang ingin memasuki chalet, anak dan cucu Paksu yang akan menguruskan segalanya?**

MA : Ya.

FNZ : **Dimanakah Paksu membuka chalet? Tempat chalet dibukakan?**

NAD : Adakah Paksu membuka chalet *disini* (Pantai Perkasa) atau di tempat lain?

MA : Tidak ada.

NAD : **Hanya di Pantai Perkasa sahaja?**

MA : Ya. Hanya di Pantai Perkasa sahaja.

FNZ : **Ketika pembukaan chalet, adakah ramai pengunjung yang datang menyewa chalet Paksu?**

MA : Pada peringkat awal *tu* [itu], *tak* [tidak] (bunyi bertukang) adalah, jarang-jarang begitu. Biasanya orang kampung hanya datang suka-suka nak tengok, untuk yang mahu menyewa *tu* [itu] hanya jarang-jarang. Dahulu juga Paksu menjaga dan apabila membuka chalet ini memerlukan jangka masa yang panjang. Sebelum memulakan juga kita sudah dapat mengangap bahawa tidak akan ada pengunjung yang akan terus datang mengunjung (ketawa).

Setiap perniagaan yang dijalankan semuanya sama seperti menjual ikan ditepi jalan juga memerlukan masa yang lama sekurang-kurangnya *target* [tuju] dalam tempoh *setahun* [1 tahun] untuk kita bertungkus-lumus. Barulah akan ada pelanggan yang datang dan menetap akan merasa tenang dan sebagainya kerana kita telah menganggapnya dari awal. Dalam masa setahun *tu* [itu], jika ada pelanggan yang datang itu rezeki dan jika tidak ada itu bukan rezeki (ketawa). Kita *target* [tuju] begitu.

FNZ : Adakah terdapat penyewa yang mengatakan chalet Paksu ini cantik, bagus dan selesa menetap?

MA : Jika chalet *tu* [itu], ada juga sesetengah yang mengatakan bahawa tenang dan sejuk bila menetap tetapi kebanyakan yang mengunjung *tu* [itu] kadang-kadang mengatakan mengenai kawasan chalet Paksu *ni* [ini] seperti tiada perkampungan orang, kawasan yang luas dan Paksu juga sering bertanya tentang urusan apa ketika mereka berkunjung seperti pelanggan Paksu kerana Paksu mengambil berat (ketawa) seperti orang kampung sering melakukan iaitu (ketawa) *berehi ngusul* [menjaga tepi kain orang]. Seperti mengambil berat tentang pelanggan. Kebanyakannya begitu.

FNZ : Bagaimana dengan hasil perniagaan chalet Paksu? Mendapat sambutan atau tidak pada peringkat awal?

MA : Pada peringkat awal *tu* [itu], jika ingin mengatakan mendapat sambutan *tu* [itu] tidak juga. Oleh itu, Paksu melakukan banyak pekerjaan jika mempunyai masa lapang. Jika ada kesempatan untuk melakukan kerja

nelayan, Paksu akan melakukannya. Jika ada orang mahu menyewa van atau lori untuk menghantar barang ke Dungun atau Pahang, jika Paksu ada masa terluang Paksu akan pergi kerana bukan setiap minggu akan ada tempahan dan sebagainya. Paksu boleh tinggalkan perniagaan.

FNZ : Sekarang bagaimana?

MA : Sekarang, jika Paksu ingin meninggalkan *tu* [itu] susah sikit (ketawa) sibuk sikit sekarang.

NAD : Banyak mendapat tempahan?

MA : Ya.

NAD : Bermakna dari mula-mula memulakan perniagaan sampai sekarang semakin meningkat?

MA : Ya.

FNZ : Pada pandangan Paksu, dalam masa sebulan itu Paksu boleh dapat berapa?

MA : Jika dikira dari pendapatan tetap *tu* [itu] agak susah juga nak dikira disebabkan Paksu kerana jika sekolah-sekolah menetap, Paksu banyak bagi diskaun, tidak seperti orang lain berniaga. Seperti dari segi masa juga, jika ada orang menempah untuk menetap hari ini dan keluar esok. Jika penganjur mereka mengatakan untuk datang pagi pada pukul *tujuh* [7] sudah sampai, Paksu izinkan. Mahu keluar esok lebih dari pukul *tujuh* [7] juga Paksu izinkan. Paksu tidak berkira. Berniaga juga tetapi jika mahu dibandingkan dengan orang lain *tu* [itu] jauh berbeza. Buat masa sekarang, Paksu tidak ambil berat. Paksu hanya terbayang untuk akhirat Paksu.

NAD : **Jika boleh mengetahui mengenai harga menyewa chalet untuk semalaman berapa?**

MA : Yang *tu* [itu], harga *tu* [itu] harga tetap.

NAD : **Tengok kepada keadaan?**

MA : Ya. Harga *tu* [itu] tetap tetapi bergantung kepada keluarga yang menetap *tu* [itu] seperti *dua* [2] orang menetap, kita banyak bagi diskaun. Jika anak dan cucu sampai *sepuluh* [10] orang menetap *tu* [itu] *satu* [1], ada kalanya kita ambil lebih (ketawa). Jika mereka mahu menetap di tempat lain, mereka akan berkata jika menetap ditempat lain *satu ratus* [100] akan jadi *dua ratus* [200]]. Baik mereka tambah sikit-sikit. Pelanggan *ni* [ini] berbagai ragam.

NAD : **Kebiasaannya Paksu kenakan berapa bayaran?**

MA : Ya. Jika mereka menetap mengikut peraturan, mereka mendapat bayaran *lima* [5] kebawah. Paksu tidak akan dikenakan bayaran lebih. Jika menetap sehingga *sepuluh* [10] orang anak dan cucu, Paksu akan menilai juga jika cara menetap *tu* [itu] tidak ada peraturan, bermain pantai, berlari masuk bilik tanpa cuci kaki dan sebagainya (ketawa) kita akan dikenakan bayaran yang lebih. Jika bebas begitu akan menyebabkan banyak pasir dan sebagainya. Pada hari mereka ingin pulang seperti hari ini ingin pulang, jika ada durian dan kulit-kulit durian tidak dibuang di luar (ketawa) pada hari ingin pulang *tu* [itu] bermakna mereka tidak ambil berat.

FNZ : **Paksu ada menggunakan apa-apa cara untuk mempromosikan chalet Paksu?**

MA : Paksu jika ingin menyatakan cara *tu* [itu] tidak ada cumanya cara Paksu seperti menjaga kebersihan. Itu sahaja cara dan teknik Paksu iaitu menjaga kebersihan.

FNZ : **Paksu ada membuka akaun Facebook atau apa-apa?**

MA : Yang itu, setakat anak-anak yang membuka dan Paksu tidak mengambil berat. Paksu biasanya, pelanggan-pelanggan Paksu yang *sepuluh* [10] tahun, *dua puluh* [20] tahun dan *tiga puluh* [30] tahun *tu* [itu] tidak meninggalkan. Anak-anak dan cucu mereka tetap datang berkunjung.

NAD : **Bagaimana orang ramai mengetahui mengenai chalet Paksu?**

MA : Semasa keluar akhbar, rakyat Malaysia dalam anggaran lebih kurang *dua puluh juta* [20 000 000]. Paksu tidak mengingati.

NAD : **Bermakna mereka mengetahui mengenai chalet melalui akhbar?**

MA : Ya. Sesetengah melalui akhbar dan sesetengah mengetahui dengan sendirinya kerana mengambil masa yang agak lama untuk keluarnya akhbar. Ketika keluar akhbar *tu* [itu] boleh dikatakan Paksu sudah mula maju (ketawa).

FNZ : **Adakah jauh perbezaan sebelum chalet Paksu keluar akhbar dengan selepas chalet Paksu keluar akhbar?**

MA : Seperti *tu* [itu] ada perubahan sedikit demi sedikit kerana rakyat Malaysia semakin bertambah, program sekolah juga semakin bertambah, hari keluarga jabatan-jabatan juga semakin bertambah (ketawa). Ada perubahan juga dan banyak juga.

FNZ : **Adakah Paksu bercadang untuk meluaskan lagi chalet Paksu seperti membuka ditempat lain?**

MA : Ditempat lain *tu* [itu] tidak ada tetapi untuk meluaskan kawasan dan menambah bilik-bilik *tu* [itu] dalam pemikiran Paksu (ketawa). Target tinggi kerana modal yang akan digunakan agak tinggi. Tidak sepatutnya dengar

orang mengatakan tokoh Paksu mahu membuka chalet tetapi kerana berminat Paksu terbayang juga jika dikira Paksu tidak mempunyai tokoh tetapi pegawai-pegawai yang datang seperti pegawai yang bersara seperti Haji Razali di Bangunan Wisma *tiga belas* [13] tingkat *tu* [itu] yang bersara berkata tidak kerana tokoh tuan (ketawa).

FNZ : Adakah nama chalet Paksu mempunyai nama yang istimewa?

MA : Selain daripada?

FNZ : Nama chalet Paksu.

MA : Sekarang, nama Perkasa. Perkasa Sungai Dua.

FNZ : Chalet Perkasa. Kenapa Paksu menggunakan nama Perkasa? Disebabkan nama tempat atau kenapa?

MA : Perkasa Sungai Dua. Pada zaman dahulu, arwah Haji Kassim *ni* [ini] dibawah projek Semerak ketika *dia* [Haji Kassim] pengarah dahulu. *Dia* [Haji Kassim] mengarahkan pekerjaanya untuk menyambut hari keluarga pada tiap-tiap tahun ditempat Paksu kerana *dia* [Haji Kassim] tidak mahu memilih tempat lain. Ketika datang ditempat Paksu, ada *satu* [1] masa *tu* [itu] *dia* [Haji Kassim] berjumpa dengan Paksu bersendirian dan bertanya kepada Paksu, bagaimana jika kita bergabung. Disebabkan *dia* [Haji Kassim] menyambut hari keluarga pada tiap-tiap tahun, Paksu berfikir mengenai permintaannya dan tidak mahu *dia* [Haji Kassim] terasa hati (ketawa). Paksu bersetuju dan berkata selagi tidak melanggar batas Islam. Maka *dia* [Haji

Kassim] mengabungkannya.

NAD : Itu yang menyebabkan mendapat nama Chalet Perkasa?

MA : Ya. Perkasa Sungai Dua. Digabungkan juga sewaktu Paksu sudah semakin maju.

FNZ : Selain chalet Paksu, adakah terdapat chalet lain di kawasan ini?

MA : Dahulu tidak ada. Hanya Paksu sahaja.

FNZ : Sekarang sudah ada?

MA : Sekarang sudah banyak (ketawa).

FNZ : Pada pendapat Paksu, Apakah keistimewaan chalet Paksu yang berbeza berbanding chalet lain?

MA : Keistimewaan bagi Paksu, Paksu merasakan seperti apa yang Paksu ceritakan sebelum ini. Tempat Paksu mempunyai kawasan yang luas, tidak terdapat kawasan perumahan disebabkan kawasan dan tanah milik Paksu.

FNZ : **Boleh Paksu ceritakan serba sedikit mengenai ragam-ragam penyewa Paksu yang datang berkunjung?**

MA : Ragam-ragam *tu* [itu] sedikit sebanyak, Paksu boleh ceritakan (ketawa).

NAD : **Serba sedikit yang Paksu tahu?**

MA : Ya. Ada sesetengah *tu* [itu], mereka berlagak seperti jabatan-jabatan. (Bunyi bertukang) Mereka tidak memberitahu yang mereka bos [pegawai atasan] dan sebagainya serta mereka berlagak. Apabila tiba masa Paksu ingin berjumpa dengan mereka, mereka tidak sampai ditempat yang dijanjikan. Paksu berjumpa dengan yang lain dan mereka mengaku yang mereka juga *bos* [pegawai atasan] (ketawa). Datang yang tadi, dalam ramai-ramai yang tadi juga tidak ada. Paksu berjumpa dengan yang lain, mereka datang memperkenalkan diri sebagai *bos* [pegawai atasan] juga (ketawa). Bila sudah lama *tu* [itu] Paksu berfikir, yang datang untuk kali terakhir *tu* [itu] Paksu tahan mereka dan menyuruh mereka memperkenalkan bos [pegawai atasan] yang sebetulnya (ketawa). Bila yang *tu* [itu] memberitahu, Paksu dapat mengetahui yang sebenarnya. (ketawa) ragam *ni* [ini] biasanya begitu.

FNZ : **Kebanyakan penyewa chalet Paksu, orang dari mana?**

MA : Jika mengikut ramai dari *satu* [1] tahun ke *satu* [1] tahun atau ingin mengetahui dari negeri-negeri mana? Lebih kurang begitu?

FNZ : **Ya. Negeri mana dan bangsa apa yang selalu berkunjung.**

MA : Jika bangsa *tu* [itu] seperti pelanggan-pelanggan Paksu yang ingin menolong untuk mempromosikan kepada India, China dan Inggeris, Paksu mengatakan bahawa tidak perlu datang berkunjung kerana Paksu tidak mahu. Paksu hanya inginkan pelanggan Melayu dan Paksu memberitahu mereka. Paksu juga merasa tenang dan tidak mahu. Jika pelanggan yang didalam Malaysia seperti Kedah yang sering berkunjung, Johor serta Pulau Pinang dan Langkawi adalah pelanggan yang jarang berkunjung. Kebanyakannya Kedah yang sering berkunjung seperti sekolah dan sebagainya. *Lima belas* [15] tahun dahulu juga mereka sering berkunjung, Sekolah kebangsaan Kubang Pasu, Jitra untuk *dua* [2] atau *tiga* [3] malam. Orang Kedah *ni* [ini] ramai yang menyertai Amanah Ikhtiar dan menjadi guru Amanah Ikhtiar. Dahulu *maksu* [isteri] menyertai Amanah Ikhtiar, mereka bercerita serba sedikit kepada *maksu* [isteri], menemu ramah *maksu* [isteri] dan menolong *maksu* [isteri] kerana kasihan serta menolong mempromosikan. Orang Kedah yang paling ramai. Dahulu sehingga sekarang, orang Kedah yang paling ramai seperti guru Amanah Ikhtiar yang didalam negeri, yang diluar negeri dan yang wilayah jika menyambut hari keluarga kebanyakan akan menyambut di tempat Paksu jika Paksu mempunyai banyak kosong tarikh yang mereka mahukan kerana mereka tidak akan pergi ke tempat lain. Bagus bagi Paksu jika amanah ikhtiar.

FNZ : **Adakah terdapat pelancong dari luar negara datang menyewa chalet Paksu?**

MA : Ada juga tetapi hanya jarang-jarang. Jika luar negara, kita kurang utamakan kepada mereka. Jika mereka datang, mereka bercampur dengan China dan sebagainya. Mereka akan berkelakuan bebas dan kita tidak akan menyukai

sebegitu.

- NAD** : **Kebiasaannya pelanggan daripada Kedah akan menetap berapa lama?**
- MA** : Jika seperti keluarga, paling lama dalam *dua* [2] atau *tiga* [3] malam. *Empat* [4] hari *tiga* [3] malam yang paling lama. Mereka membawa dapur gas mereka sendiri kerana mereka sudah mengetahui kemudahan di tempat Paksu. Suasana lebih kurang. Mereka membawa peralatan mereka (ketawa).
- FNZ** : **Pernah ke satu [1] masa itu, chalet Paksu tidak ada pelanggan yang datang berkunjung dalam masa yang lama?**
- MA** : Masa yang lama seperti *dua* [2] atau *tiga* [3] minggu?
- FNZ** : Ya. Lebih kurang begitu.
- MA** : Tidak pernah berlaku.
- FNZ** : **Memang sentiasa ada pengunjung?**
- MA** : Ya, begitu. Walaupun tidak ramai tetapi tetap ada (ketawa).

- FNZ** : **Selain daripada chalet sekarang, Paksu ada membuka perniagaan lain?**
- MA** : Perniagaan *tu* [itu] tidak ada tetapi pergi memantau seperti Paksu menanam kelapa, tempat ladang tembakau jika ada ruang *tu* [itu] Paksu pergi memantau. Perniagaan lain tidak ada. Jika ada ruang Paksu pergi (ketawa) seperti menziarah tanam-tanaman yang dahulu, jika ingin mengatakan ladang seperti berbangga diri (ketawa). Ada masa, pergi membersihkan semak-samun (ketawa).
- FNZ** : Pada pendapat Paksu, Paksu berniaga chalet *ni* [ini] mencapai sasaran yang Paksu anggarkan? Paksu agak akan mencapai sebanyak mana?
- MA** : Paksu rasa *tu* [itu], Paksu memohon kepada Tuhan dikira okay. Jika ingin mengatakan tercapai sangat *tu* [itu], ditakuti tidak sedap didengari juga (ketawa). Dikira tercapai juga cita-cita Paksu.
- NAD** : **Sebagai contoh dalam sebulan, Paksu anggarkan berapa akan dapat?**
- MA** : Yang *tu* [itu] agak susah Paksu mahu bagitahu, kerana seperti yang Paksu ceritakan seperti rombongan sekolah jika pondok adakalanya sewa yang berharga *satu ratus* [100], Paksu akan memberi diskaun sehingga *lima puluh* [50] atau dibahagi kepada *dua* [2] kerana Paksu tidak ambil berat.
- NAD** : **Jika sebelum ini, Paksu mendapat berapa keuntungan dalam masa**

sebulan?

- MA : Dalam masa sebulan *tu* [itu] dia ada turun naik.
- NAD : Beribu-ribu juga?
- MA : Ya. Sudah tentu beribu-ribu (ketawa). Jika tidak beribu-ribu (ketawa), tidak sempat untuk *repair* [membaiki] disebabkan di kawasan pantai *ni* [ini] memerlukan kos yang tinggi.
- FNZ : **Boleh Paksu ceritakan serba sedikit mengenai halangan yang pernah dilalui oleh Paksu sepanjang membuka chalet?**
- MA : Halangan seperti dengan pelanggan atau dengan apa?
- FNZ : Semua disekeliling Paksu. Ketika ingin membuka chalet *tu* [itu], ada tak halangan daripada orang kampung, orang yang dengki?
- MA : Yang *tu* [itu] ada juga kata-kata nasihat. Yang dengki *tu* [itu] tidak ada sangat tetapi Paksu juga dapat menilai (ketawa). Terdapat banyak juga halangan seperti laluan. Mereka bertanya serba sedikit cuma tidak suka juga jika laluan *tu* [itu] jika bukan tanah sendiri maka mereka tidak izinkan.
- FNZ : **Bagaimana Paksu lakukan untuk mengatasi halangan-halangan tersebut?**
- MA : Yang *tu* [itu] ketika Paksu mula membuka dahulu, Paksu sudah dapat menganggap bahawa tanah Paksu *ni* [ini] kira seperti laluan itu tidak ada masalah cuma melibatkan modal, kos yang tinggi untuk membuat laluan.

Tanah Paksu *ni* [ini] tidak melibatkan tanah orang lain jika dikira dari modal yang tidak bermasalah, itu yang membuatkan Paksu berani. Dahulu laluan disebelah sana tetapi bila kelihatan maju, laluan itu ditutup.

NAD : **Jika contoh halangan daripada pelanggan?**

MA : Pelanggan *tu* [itu] bagaimana?

NAD : Ketika ingin menyewa chalet. Adakah mereka menepati, contoh membayar tepat pada masa atau tidak?

MA : Yang *tu* [itu] sudah biasa jika kita berniaga. Adakalanya mereka cakap sahaja tepat tetapi mereka tidak datang *tu* [itu] sudah biasa. Halangan sebegitu tidak dapat dielak lagi jika berniaga. Jika datang ke kedai runcit, berjanji mahu membeli gula dan mahu ingin membayar esok tetapi menghilangkan diri *tu* [itu] sudah biasa. Jika kita tidak sanggup semua *tu* [itu], tidak dapat memulakan perniagaan dari awal lagi. Dari awal lagi Paksu sudah memikirkan semua *ni* [ini]. Sampaikan, adik tidak perlu masukkan. Perpaduan Ummah, mereka mengambil *tiga puluh* [30] bilik tetapi hanya membayar untuk *dua puluh* [20] bilik sahaja dan tinggalkan *sepuluh* [10] bilik. Ini ketika Paksu sudah menggunakan Hilux ini. Paksu mengambil bilik sebelah sana separuh. Tauke sebelah sana menelefon Paksu. Bagaimana Paksu, adakah semuanya okay? Paksu mengatakan bahawa terdapat *sepuluh* [10] bilik dan dia mahu balik. Paksu mahu menahan dia juga tidak kesampaian kerana kita berniaga disebabkan kita berbaik-baik sejak berpuluh-puluh tahun, jadi kita buat sekali maka orang akan menunjuk sangat. Sehingga hari ini mereka tidak pernah datang, Paksu tidak ambil kisah kerana rezeki yang Tuhan bagi yang lain itu Paksu merasakan mungkin lebih lagi daripada mereka.

- NAD** : *Sepuluh* [10] bilik yang lepas itu, chalet Paksu atau chalet siapa?
- MA** : Chalet yang sebelah tempat Paksu sebelah sana yang Paksu sewa itu, mereka membayarnya.
- NAD** : **Bagaimana dengan *sepuluh* [10] bilik lagi?**
- MA** : *Sepuluh* [10] bilik lagi, mereka tidak membayarnya. Mereka mengambilnya. *Dua puluh* [20] bilik lagi, mereka membayarnya. Yang *sepuluh* [10] itu duit Paksu.
- NAD** : **Bermakna semuanya Paksu yang menanggungnya?**
- MA** : Ya. Paksu yang menanggungnya. Itu semua biasa. Yang *dua* [2] bilik atau *tiga* [3] bilik itu biasa. Yang berdakwah atau tidak berdakwah yang hanya mata kelihatan. Dahulu bilik Paksu yang sebelah sana (ketawa) adik tidak perlu menceritakan kerana hanya ingin memberi pengalaman kepada adik (ketawa). Berdakwah betul dan mereka melintas didepan pejabat Paksu dihadapan, *Maksu* [isteri] juga disitu dan mereka menyatakan bahawa ingin keluar untuk mencari makanan. Suami mereka yang berkopiah jika dibanding dengan Paksu yang biasa ini, terus keluar dan terus menghilangkan diri begitu sahaja. Biasalah manusia.
- FNZ** : **Pernahkah Paksu terfikir yang chalet Paksu ini gagal?**

- MA : Gagal?
- FNZ : Ya. Pernah ke Paksu terfikir?
- MA : Paksu, Tuhan bagi Paksu bila melakukan sesuatu itu Paksu tidak memikirkan tentang gagal. Target selalu tinggi dan tidak ada target rendah (ketawa). Seperti ini Paksu pernah ceritakan kepada pelanggan, jika *satu ratus juta* [100 000 000] duit sekalipun Paksu akan memenuhi keluasan tanah Paksu.
- NAD : Bermakna Paksu akan terus mencuba dan terus ikhtiar?**
- MA : Ya. Disebabkan pengalaman Paksu dari setahun ke setahun itu, perubahan itu selalu ada sedikit sebanyak untuk maju dan bukan perubahan untuk (ketawa) bermasalah. Masalah itu Paksu tidak ambil kira kerana Paksu selalu memikirkan mengenai kejadian Tuhan kerana pusingan, Paksu tinggal ditepi laut ini dan menetap ditepi laut ini kerana betul-betul beruntung. Melihat laut yang luas, musim angin ketujuh, ombak yang berombak besar. Jika difikir mengenai kejadian Tuhan ini, sedangkan tok guru selalu berkata seperti adik belajar mungkin adik akan tahu bahawa jika habis air laut jika dijadikan dakwat, Ilmu Tuhan masih tidak akan habis. Jika Nabi S.A.W. ingin meninggalkan, baginda ada mengatakan bahawa kita ini umat Nabi Muhammad S.A.W dan diturunkan ayat al-Quran [surah Al-Maeda ayat 3]. Jika kita mengikut ayat al-Quran ini, kitab mana yang diturunkan dimana Nabi Muhammad S.A.W wafat yang ditinggalkan kepada kita maka kita tidak akan sesat. Masalah apa sekalipun kita akan mampu selesaikan. Paksu berasa yakin dan percaya. Paksu dahulu juga memahami kitab Musolli. Tidak ada tok guru itu dan tok guru ini dan walaupun Paksu tidak ke pondok, Paksu mengira dengan melakukan pekerjaan Paksu ini, Paksu mengkaji dengan mengikut cara Islam ini. Masalah kita akan sentiasa tenang. Apabila

jiiran-jiran melihat kita sering tersenyum disebabkan duit banyak. Apabila difikirkan balik, jika diikuti apa yang kita belajar dahulu sememangnya betul. Oleh itu, Paksu berasa Paksu tidak mempunyai masalah.

FNZ : Adakah Paksu pernah terfikir untuk berhenti membuka chalet dan ingin membuka perniagaan lain?

MA : Tidak Ada. Paksu merasakan pekerjaan yang lain bagi Paksu lagi rumit jika kita ingin membuka perniagaan yang lain. Jika kita berpuluh-puluh tahun dalam bidang industry pelancongan ini, jadi susah. Apabila Paksu melihat jiran-jiran Paksu, contoh pemilik tembakau yang mendapat hasil dalam *dua ratus ribu* [200 000] setahun. Paksu selalu menolong dan membantu mereka. Apabila mereka berhenti menanam tembakau dan ingin mula melakukan sesuatu yang lain yang dicuba itu hanya separuh jalan dan tidak mampu untuk meneruskan. Susah jika dari awal kita mengambil bidang lain dahulu dengan kita tiba-tiba mahu mengambil bidang lain untuk berjaya itu, bagi Paksu sangat susah dan agak tipis.

FNZ : Siapakah yang paling banyak yang memberi dorongan kepada Paksu untuk meneruskan perniagaan ini?

MA : Itu, ada segelintir orang sahaja yang memberi dorongan kerana jiran-jiran Paksu yang datang menemu ramah Paksu kerana Paksu mempunyai semangat yang kuat (ketawa). Seperti pemilik-pemilik chalet yang lain yang mereka mampu membina dalam *dua juta* [2 000 000] setahun penambahan chalet mereka, jika dibanding semangat itu tidak mampu menandingi

semangat Paksu (ketawa). Mereka datang berbincang dengan Paksu dan Paksu melihat bahawa Paksu yang memberi semangat kepada mereka. Contohnya saudara, Haji Fendi, mereka datang menetap di tempat Paksu dahulu, baru mula membeli tanah dan membuat. Paksu memberi nasihat terlebih dahulu kepada mereka dan anak serta isteri mereka juga datang menetap di chalet Paksu semuanya. Saudara *tu* [itu] pemiliknya Fendi dan chalet-chalet lain itu juga banyak datang untuk melihat pelan-pelan yang Paksu buat ketika dahulu yang pelbagai bentuk. Pemilik chalet lain yang menyuruh tukangnyanya datang untuk melihat pelan-pelan dan banyak ditiru daripada Paksu. Changgong, arwah cikgu Mat. Walaupun bentuk yang milik Paksu, bagi Paksu rasa hanya biasa tetapi cikgu-cikgu dan tukang-tukang datang dengan tali pengukur (ketawa) untuk mengukur. Bukan senang untuk melakukan sesuatu dengan hanya sepintas lalu. Ingin membuat *tu* [itu] bukan senang. Jika mempunyai modal, tidak ada Paksu rasa chalet lain orang seperti Paksu idea boleh mengajar tukang-tukang kita membina dengan sendiri tanpa meniru idea orang pada peringkat awal sehingga sekarang. Idea jika mahu meniru pelan-pelan bentuk milik orang lain itu bukan cara Paksu. Jika mempunyai wang, Paksu akan mengarahkan tukang Paksu sendiri dan bukan pergi meniru idea orang serta balik memberitahu kepada tukang kita. Paksu akan memikirkan idea Paksu sendiri.

FNZ : Adakah Paksu pernah menerima apa-apa anugerah sebelum ini daripada badan pelancongan?

MA : Tidak ada. Paksu sudah *target* [tuju] kerana dahulu Paksu menyukai ceramah dari menteri pelancongan, Syed Fadil kerana ucapannya membuatkan Paksu merasa tenang tetapi pada mula-mula Paksu membuka chalet, susah untuk kita menerima bantuan daripada menteri pelancongan serta sumbangan

walaupun sikit susah kerana keluarga Paksu tidak ada hubung kait dengan menteri pelancongan. Paksu pernah melihat melalui akhbar dan televisyen yang mengatakan dalam *sembilan juta* [9 000 000] setahun yang disiarkan didalam akhbar untuk pelancongan tetapi disebabkan kita tidak ada hubung kait dengan menteri pelancongan. Bagi Paksu rasa susah dan Paksu tidak memikirkan semua itu sangat serta tidak mengharapkan mereka kerana mungkin harapan kita akan menjadi tipis untuk kita melakukan pekerjaan ini jika kita mengharapkan mereka. Itu pengalaman Paksu.

FNZ : **Chalet Paksu pernah keluar akhbar, boleh Paksu ceritakan serba sedikit bagaimana Paksu boleh keluar akhbar? Siapa yang datang menemu ramah Paksu?**

MA : Jika akhbar *tu* [itu], yang datang itu pelajar-pelajar seperti adik juga ada datang menemu ramah keluar akhbar dan kebanyakannya Abang Nor.

FNZ : **Dari mana Abang Nor?**

MA : Abang Nor *ni* [ini] dari TV3.

FNZ : **Dari TV3?**

MA : Ya, dialah. Negara Malaysia kita juga menghantar dia. Abang Nor ada *dua* [2] orang dalam Kelantan kita. Seorang Nor Jaafar dan seorang lagi Nor...

FNZ : **Ada dua (2) orang?**

MA : Ya, biasalah. Pelajar-pelajar seperti adik *ni* [ini] yang datang menemu ramah, ada juga yang keluar akhbar. Yang bekerja sebagai wartawan juga ramai yang dibawah Abang Nor. Sejak Paksu memulakan perniagaan ini, disebabkan ramai yang memulakan perniagaan ini mungkin, ini seperti rahsia adik dan tidak boleh masukkan dalam ini. Adakalanya dia berjumpa dengan Paksu di Kota Bharu, dia akan bertanya kerana dia datang mengambil gambar curi sampah-sampah yang Paksu tidak sempat buang selepas hari keluarga. Dia bertanyakan bagaimana perniagaan dan berbunyi agak kasar. Paksu terasa hati kerana semasa hanya Paksu seorang tiada orang dahulu yang seperti itu cuma orang kampung yang memberi semangat dan bertanya bila lagi akan diadakan program-program dari jabatan yang menyambut hari keluarga seperti *TNB* [Tenaga Nasional Berhad] atau *JKR* [Jabatan Kerja Raya]. Sukan tarik tali *tu* [itu] dan sebagainya, dia akan bagi kain sebagai hadiah jika *sepuluh* [10] orang sebelah maknanya *sepuluh* [10] orang itu akan dibagi kain untuk buat sembahyang semuanya jadi orang kampung suka pada peringkat awal. Apabila melihat Paksu mula maju *tu* [itu], macam-macam jadi seperti apa yang Paksu ceritakan tadi (ketawa). Adik tidak boleh ceritakan semua itu (ketawa). Paksu ini sama seperti adik yang ingin memberi idea dan ceria, itu yang menyebabkan Paksu mula menceritakan semuanya dan jika dikira dari awal-awal *tu* [itu] Paksu hanya ingin menceritakan serba sedikit (ketawa).

FNZ : **Pernahkah seseorang menjemput Paksu memberi ceramah tentang membuka perniagaan dimana-mana?**

MA : Tidak ada. Susah kita di Kelantan kerana kita bukan dibawah mana-mana agensi yang terkenal dan besar. Kelantan *ni* [ini] susah, seperti apa yang

Paksu ceritakan sebentar tadi. Di Kelantan *ni* [ini] kalau ingin mengharap bantuan dari mana-mana sekalipun, jangan berharap cumanya Paksu cuba pergi ke bank, dia [bank] kata mahu menolong Bumiputra. Ketika Paksu pergi *tu* [itu] apabila sudah lama berniaga dan sudah mempunyai modal yang banyak. *Dia* [bank] bertanya mengenai modal Paksu dan berapa ratus ribu yang Paksu miliki. Selepas *tu* [itu], Paksu pergi bank Agro di kawasan tepi sungai dan Paksu rasa terasa hati. Seorang pegawai tidak patut bercakap sebegitu seperti mahu menunjuk-nunjuk mengenai dirinya. Selepas *tu* [itu], Paksu terus keluar (ketawa) dan tidak akan sesekali pergi ke bank lagi. *Dia* [bank] seperti tidak bersungguh-sungguh untuk menolong kita.

FNZ : Pernah ke seseorang datang berjumpa Paksu meminta nasihat untuk membuka chalet?

MA : Ya, ramai seperti Sri Pantai dan lain-lain. Paksu mengajar mereka supaya membuka chalet seperti Paksu yang menerima tempahan yang penuh daripada jabatan-jabatan. Dia datang berjumpa dengan Paksu, Paksu berkata kepadanya bahawa dia mempunyai potensi seperti Paksu yang selalu mendapat tempahan yang penuh. Orang bertanya mahu pergi ke tempat lain, orang datang dengan *sepuluh* [10] buah kereta dengan keluarga. Paksu mahu mengatakan tetapi tidak ada kerana dahulu hanya Paksu seorang maka Paksu bercerita kepadanya sementara dia melihat apa yang sudah dilakukan oleh Paksu. Sri Pantai *tu* [itu] nama chalet dia. Dia mengikuti nasihat Paksu dan sekarang dia juga sibuk apabila musim cuti.

FNZ : Dia juga berjaya dan mempunyai ramai pengunjung?

MA : Ya, semua seperti di Muara dan lain-lain. Paksu yang mengajar dan memberi nasihat. Kita sama-sama berniaga.

FNZ : Sewaktu mula-mula Paksu membuka chalet, adakah Paksu pernah meminta nasihat daripada orang lain?

MA : Paksu tidak ada.

FNZ : Memang sendiri?

MA : Ya. Idea Paksu sendiri (ketawa). Paksu susah ingin meminta daripada seseorang.

NAD : Contoh nasihat-nasihat yang pernah Paksu berikan?

MA : Nasihat yang diberikan kepada seseorang? Paksu menasihati mereka supaya melakukan kerana apabila mereka datang ke tempat Paksu dan melihat Paksu yang adakalanya datang dengan *lima* [5] buah kereta bertanya mengenai bilik samada masih kekosongan atau tidak dihadapan mereka sendiri maka Paksu memberitahu mereka bahawa mereka juga boleh berniaga. Memberi semangat kepada mereka.

NAD : Bermakna nasihat itu seperti menambah bilang chalet dan mempercantikkan kawasan?

MA : Pada peringkat awal itu mereka tidak mempunyai chalet dan Paksu menyuruh mereka membukanya. Pada peringkat awal mereka tidak mempunyai chalet dan datang melawat melihat orang-orang serta pelanggan.

NAD : Baru ingin membuka chalet?

MA : Ya. Mereka baru ingin membuka chalet. Jika berkaitan dengan memperbaharui itu, mereka sendiri.

NAD : Mereka sendiri?

MA : Ya, mereka sendiri. Pada peringkat awal itu, Paksu memberi semangat kepada mereka (ketawa) kerana pada hari minggu mereka akan datang melawat dan kemungkinan di dalam kepala mereka mempunyai idea sendiri (ketawa). Itu tidak mengetahui.

RAKAMAN DUA BAHAGIAN EMPAT (TAMAT)

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENDAPAT TOKOH

RAKAMAN 2 BAHAGIAN 5 (MULA)

- FNZ** : **Apa pendapat Paksu tentang perniagaan orang Melayu di Malaysia?**
- MA** : (bunyi bertukang) Kira semualah? Kira perniagaan orang Melayu. Kalau ikut pengalaman Paksulah, banyak kelemahan orang Melayu kalau nak dibandingkan dengan kira cina. Macam perniagaan melayu, contohnya, kalau Paksu beli barang, *order* [tempah] batu, kata jongkonglah macam buat dalam bilik, batu-bata, Walaupun kita pergi *order* [tempah] ataupun kita telefon, mereka janji esok mereka hantar, hari ini *tak* [tidak] sempat. Kadang-kala, lepas seminggu dia tidak hantar lagi. Cukup seminggu kita telefon, dia kata esok, *tak* [tidak] hantar lagi yang esok.
- NAD** : Banyak alasan.
- MA** : Ya, banyak alasan. Banyak kelemahan orang Melayu. Macam, kita tidak cukup duit hari ini, adakalanya kita akan cerita pada suami dia, adakalanya isteri dia masuk campur hal "*tak* [tidak] *payah* [perlu] hantarlah". Itu kalau orang Melayu. Kalau orang cina---
- NAD** : Minta hari ini, hari ini sampai.
- MA** : Ya, kebanyakannya seperti itu. Kemudian, isteri dia tidak masuk campur apabila kita berbincang dengan--- yang lelaki dengan lelaki. Macam orang Melayu ini, banyak _____. Itu pengalaman Paksu.
- FNZ** : **Apakah harapan Paksu untuk orang Melayu berkecimpung dalam**

perniagaan di Malaysia?

MA : Harapan Paksu, hendak orang Melayu berjaya tetapi cara perjalanan dia agak jauh. Kalau *setanding* [dibandingkan] dengan orang bangsa Cina kita katakan, tidak boleh pergi. Harapan Paksu itu--- Paksu dulu pun, ada seorang imam kalau adik biasa di cabang *tiga* [3] Melawi, yang banyak tok guru mengajar di masjid. Paksu ambil barang dengan imam itu, kira nak maju dia. Paksu pergi sekali, dia malu dengan Paksu, dia sangggup pergi beli *dekat* [dari] cina di Pasar Jelawat. Itu ralit Paksu tunggu di kedai. Lama-lama, selama mana dia nak *duduk* [mengelak] begitu, tidak? Paksu hendak benda itu, tiada, jadi Paksu *bermasalah* [menghadapi masalah] kalau nak tunggu dia. Susah.

NAD : **Maknanya orang Melayu ini kurang berusaha?**

MA : Ya. (ketawa) Itu adik tahulah. Susahlah.

FNZ : **Pada pendapat Paksu, apa yang orang Melayu mesti ubah untuk menjadi lebih maju dari orang Cina di Malaysia ini?**

MA : Yang itu susahlah, *pasal* [kerana] orang Melayu ini kebanyakannya dia tahu kelemahan dia tetapi dia tidak betul-betul nak baiki sendiri diri dia. Itu bagi Paksu. Adik pun nampak beza, tidak? Seperti itulah. Itulah yang sebenar.

FNZ : **Mengenai perniagaan Paksu sekarang ini, adakah Paksu berpuas hati dengan chalet Paksu? Atau nak besarkan lagi?**

MA : Nak besar itu mestilah *target* [tuju] nak besar. Tetapi, bagi Paksu, Paksu puas hati *dah* [sudah] lah. Kerana, Paksu rasa tinggi *tu* [itu] tidak, rendah sangat pun tidak. Pelanggan-pelanggan datang, adakalanya pergi ke *Sudara* [Sudara Beach Resort]. Kalau *Sudara* [Sudara Beach Resort] penuh atau tidak penuh, pelanggan yang selalu datang ke chalet Paksu, dia pergi ke Paksu. Padahal, ruang dia *denu* [disana] ada lagi. Paksu sedang mengkaji jadi Paksu rasa okay mungkin. Orang kata, *padanlah* [sesuai]. (ketawa)

NAD : Syukur.

MA : *Demo* [Awak] syukur.

FNZ : **FNZ: Adakah Paksu mahu anak-anak Paksu menyambung perniagaan Paksu?**

MA : Sekarang ini Paksu sedang nasihat anak-anak Paksu suruh sambung.

FNZ : **Ada *tak* [tidak] yang menunjukkan minat nak sambung?**

MA : Ada. Seorang. Dia nampak (bunyi bertukang) berminatlah sedikit *pasal* [kerana] dia kena tunggu masa lah. Paksu rasa dia itu *minatlah* [lebih minat] daripada anak-anak lain.

FNZ : **Ada yang nak sambunglah?**

MA : Paksu pun ada cerita pada dia. Nampak dia itu *sungguhlah* [bersungguh-sungguh].

FNZ : **Pernahkah Paksu terfikir yang chalet Paksu akan berjaya seperti ini?**

MA : (bunyi bertukang) Paksu fikir harapan Paksu itu tinggi. Kira berjaya, lebih daripada *inilah* [harapan] (ketawa).

NAD : **Semasa mula-mula buka chalet dahulu, Paksu jangka tidak boleh berjaya seperti ini?**

MA : Paksu jangka akan majulah. Berjaya. Peringkat-peringkat itu tidak tahulah. Tetapi, Paksu jangka akan majulah.

NAD : Akan usaha untuk maju.

MA : Sekarang ini pun kira akan menambah maju.

FNZ : **Adakah Paksu bersedia untuk menghadapi kegagalan sekiranya berlaku? Sekiranya akan datang, kegagalan itu datang, Paksu bersedia untuk menghadapi kegagalan ini?**

MA : Masalah bencana alam *ke* [atau] apa? Yang itu kita akan terima. Yang itu orang kata qada' dan qadar dari Tuhan semuanya. Kalau kita *tak* [tidak] sanggup begitu, nak buat di tepi pun ramai *dah* [sudah] orang halang. Orang kata nanti ombak naik. Macam-macam adik. (ketawa) Susahlah. Kata-kata nasihat yang kita boleh terima itu susah. Macam-macam. Dia macam ugut kita. *Payahlah* [Susahlah].

FNZ : Boleh Paksu cerita macam mana Paksu nak bangkit daripada kegagalan ini?

NAD : Contoh kalau ada kegagalan.

FNZ : Macam tadi kalau ada tsunami ke. Macam mana Paksu nak bangun daripada kegagalan itu?

MA : Yang itu, kalau macam tsunami *tu* [itu], itu pekerjaan Tuhan kita. Ya boleh. Boleh bincang. Yang itu, tengok keadaanlah. Macam tsunami pun adakalanya kalau kata dia kena kawasan, ada tempat-tempat itu dia kurang teruk sikit. Adalah *tu* [itu]. Tengok keadaan, orang kata semasa lah. Dia tidak kalau kena sama *belaka* [semua], tidak. Macam banjir baru inilah, Paksu pergi melawat sampai ke Tumpat. Bukan kata pukul rata habis semua, *dok* [jadi] *gitu* [begitu].

FNZ : Mengenai GST [Government Service Tax], Paksu rasa ada *tak* [tidak] kesan kepada perniagaan Paksu?

MA: : Paksu rasa bagi paksu *tak* [tidak] ada masalah. Paksu berbincang di kedai-

kedai kopi dengan jiran-jiran. Yang berniaga lebih-lebih lagi dari Paksu pun kata *tak* [tidak] ada masalah.

FNZ : *Tak* [tidak] ada naik harga?

MA : Paksu tengok macam *GST* [Government Service Tax] ini, menteri-menteri kita kumpul duit untuk bencana alam ke, dia bantu pula. Paksu rasa *tak* [tidak] ada masalah (bunyi bertukang). Paksu tengok jiran-jiran kita pun, adakalanya tukar kereta baru ke apa, tidak ada masalah. Macam duit simpan kita juga, *seratus* [100]. Begitu.

NAD : Maknanya pada pendapat Paksu *GST* [Government Service Tax] itu berbaloilah?

MA : Satu masa nanti, macam kita masuk hospital ke apa, kerajaan bantu banyak mana *dah* [sudah]. Anak kita, isteri kita, keluarga kita. Sekarang tidak ada masalah.

FNZ : **Paksu rasakan mampu tak [tidak] orang Melayu lawan cina dalam perniagaan?**

MA : Susah *sikit* [sedikit] bagi Paksu *pasal* [kerana] kelemahan kira nampak, orang kata atas darat orang nampak. *Pasal* [sebab] *satu* [1] bangunan yang *dua* [2] tingkat Paksu tu [itu] habis siap belaka [semua]. Anak *gi* [pergi] nak bayar. Minta kurang *satu* [1] sen pun dia *tak* [tidak] bagi, kalau cina Paksu rasa banyak. (bunyi bertukang) Niaga, anak paksu kata “*tak* [tidak] boleh ambil lain ayah?” kata. Kita boleh tahan ambil mana *saja* [sahaja]. Orang beri *belaka* [semua] ke kita, nak bagitahu.

FNZ : Kalau ada sekolah *ke* [atau] mana-mana jabatan panggil Paksu bagi ceramah tentang berniaga, Paksu nak pergi *tak* [tidak]?

MA : Kalau pergi *tu* [itu] tidaklah. Kalau sini Paksu bagi sikit-sikit. Nasihatlah. Ceramah benar *tu* [itu] *dok* [tidak] lah juga. Pergi *tu* [itu] nampak itu sangat (ketawa). Kalau sini *tu* [itu], macam cikgu-cikgu, dia biasalah. Dia suruh beri sikit-sikit. Beri kira kepala-kepala cerita sahajalah. Beri semangat ke pelajar-pelajar. Begitulah kita. Kalau macam kita belajar kan, yang paksu *dok* [sedang] bagi kan, kira nasihat suruh dia, kira peringkat awal ini jangan tinggal sembahyang lima waktu. Kita *dok* [sedang] tengah belajar, lepas sembahyang ke apa kita nak, kita solat hajat sekejap. Kita nak berdoa, berdoa sikit-sikit. Bila *tak* [tidak] gaduh *tu* [itu], panjang sikit doa. Itu sahaja peringkat awallah. Banyaklah. Bidang yang kita ambil *tu* [itu] kita kena betul-betullah. Begitulah. Macam budak kursus belia ke apa mari, Paksu beri kepala-kepala cerita pada dia minta. Kiranya modal habis latihan dia mari buat penutup disini, bos dia suruh Paksu bagi pelbagai nasihatlah. *Dulu* [dahulu] bos penjara *tu* [itu] panggil akhbar, rajin *dok* [sedang] bual dengan Paksu. (bunyi bertukang) Lepas habis latihan *dua puluh* [20] orang *tu* [itu], penutup dia bawa mari sini. Dia suruh paksu nasihat sedikit-sebanyak. Kalau begitu *tu*, Paksu *perendah* [merendah diri] lah. Kalau nak jemput pergi ada, (ketawa) *tak payahlah* [tidak perlulah].

FNZ : Itu sahajalah Paksu. Dah tak ada soalan dah.

MA : Itu pun banyak *dah* [sudah].

FNZ : Terima kasih banyak Paksu.

MA : Paksu *gelak-gelak* [ketawa] ini nak suruh idea adik itu bagus. Esok kalau nak niaga apa-apa pun senanglah. Kalau berminat *try* [cuba] cuba. Cuba lepas *setahun* [1 tahun] *dua* [2] tahun mari jumpa Paksu. Boleh tahu. Adik belajar adik tahulah.

RAKAMAN 2 BAHAGIAN 5 (TAMAT)

BAHAGIAN 5 TAMAT

RUJUKAN

RUJUKAN

Mohd Khairi Che The. (n.d.). Nelayan menjadi pengusaha industri pelancongan. *Berita Sinar Harian*.

Mohamad Bin Awang. (May 24, 2015). Oral interview.

Ahmad Dzarawi bin Nor. (May 18, 2015). Oral interview.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Fatin Nabila Zabidi dan Nurhidayah Ahmad Dzarawi menemubual Encik Mohamad Awang, yang dilahirkan pada 1954, di Kelantan. Temubual dijalankan di chalet beliau di Kampung Sungai Dua, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai pengusaha chalet yang berjaya.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
00:20	Pengenalan mengenai latar belakang tokoh	1. Kampung Sungai Dua 2. Mohamad Bin Awang 3. Tahun 1954
01:12	Pengenalan mengenai latar belakang keluarga tokoh	1. Awang Bin Awang Mat 2. Halijah Bt Derahman 3. Kampung Anak Rhu 4. Kampung Sungai Dua
02:56	Pengenalan mengenai latar belakang keluarga tokoh yang sekarang	1. Embong 2. Kampung Sat, Pasir Puteh
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH		
05:52	Pengenalan mengenai latar belakang pendidikan tokoh	1. Sekolah Kebangsaan 2. Sungai Dua
08:56	Cita-cita tokoh ketika persekolahan	1. Bekerja sendiri 2. Berniaga

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL TOKOH

09:10	Pengalaman bekerja tokoh sejak kali pertama	<ol style="list-style-type: none">1. Selepas tamat persekolahan2. Bekerja dengan ayah3. Sungai Dua4. Petani5. Nelayan
11:34	Pengalaman kerja tokoh yang lain	<ol style="list-style-type: none">1. Sewa kenderaan

BAHAGIAN 4: PERNIAGAAN TOKOH

13:18	Idea untuk memulakan perniagaan	<ol style="list-style-type: none">1. Besut2. Keluang
14:26	Mula membuka chalet	<ol style="list-style-type: none">1. Mula kerana minat dan modal mencukupi
14:56	Memulakan perniagaan seorang diri	<ol style="list-style-type: none">1. Tiada sokongan2. Terlalu banyak cabaran dan dugaan
16:56	Modal untuk membuka chalet	<ol style="list-style-type: none">1. Tidak membuat pinjaman2. Bachok3. Modal sendiri
18:35	Chalet dibina sendiri atau bantuan seseorang	<ol style="list-style-type: none">1. Dibina sendiri

		2. Bantuan seseorang
19:09	Cara tokoh menguruskan perniagaan	1. Sendiri 2. Ahli keluarga 3. Upah seseorang
19:36	Perniagaan mula bertapak	1. Pantai Perkasa
19:56	Sambutan ketika pembukaan chalet	1. Biasa-biasa
20:51	Pandangan pelanggan	1. Tenang dan sejuk bila menetap
21:39	Hasil perniagaan tokoh	1. Biasa-biasa 2. Banyak mendapat tempahan
22:33	Pendapatan tokoh dalam masa sebulan	1. Pendapatan tidak menentu 2. Memberi diskaun
23:17	Harga chalet untuk semalaman	1. Harga tetap 2. Berdasarkan kadar harga chalet
24:44	Cara tokoh mempromosikan perniagaan	1. Tidak ada 2. Menjaga kebersihan 3. Pelanggan-pelanggan lama
25:20	Bagaimana orang ramai mengetahui	1. Keluar akhbar 2. Mengetahui dengan sendiri
25:53	Perbezaan chalet sebelum dan selepas keluar	1. Perubahan sedikit demi

	akhbar	sedikit
26:20	Perancangan tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperluaskan kawasan 2. Menambah bilangan bilik 3. Haji Razali
27:12	Sejarah nama chalet tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkasa Sungai Dua 2. Haji Kassim 3. Semerak
28:40	Keistimewaan chalet tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mempunyai kawasan yang luas 2. Kawasan dan tanah milik tokoh
28:62	Ragam penyewa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak memberitahu hal yang sebenarnya 2. Tidak menepati janji
30:09	Kebanyakan penyewa dari mana?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kedah 2. Johor 3. Pulau Pinang 4. Langkawi 5. Sekolah kebangsaan Kubang Pasu, Jitra 6. Amanah Ikhtiar

31:65	Pelancong dari luar negara	1. China
32:30	Kebiasaan penyewa akan menetap berapa lama?	1. Dua atau tiga malam 2. Empat hari tiga malam
32:51	Ketiadaan pelanggan dalam masa yang lama	1. Tidak pernah berlaku dan sentiasa ada
33:09	Perniagaan lain selain chalet	1. Tidak ada 2. Menanam kelapa 3. Ladang tembakau
33:51	Mencapai sasaran yang dianggarkan?	1. Mencapai sasaran yang dianggarkan
34:38	Keuntungan dalam masa sebulan	1. Tidak menentu
34:61	Halangan yang dilalui oleh tokoh	2. Sifat dengki 3. Halangan seperti laluan 4. Tidak menepati janji 5. Tidak membayar sewa
38:34	Gagal dalam perniagaan	1. Tidak pernah dan akan terus berusaha
41:32	Dorongan dan sokongan kepada tokoh	1. Segelintir 2. Saudara beach resort 3. Haji Fendi 4. Changgong

		5. Cikgu Mat
43:38	Pernah menerima apa-apa anugerah?	1. Tidak ada
44:61	Siapa yang menemu ramah tokoh apabila perniagaan keluar akhbar?	1. Pelajar 2. Abang Nor, TV3 3. Nor Jaafar 4. Kota Bharu
46:82	Pernah dijemput untuk memberi ceramah?	1. Tidak ada
47:83	Orang luar meminta pandangan serta nasihat daripada tokoh	1. Sri Pantai Chalet 2. Muara Chalet
48:75	Meminta nasihat daripada orang lain	1. Tidak ada 2. Idea sendiri
49:29	Contoh nasihat daripada tokoh	1. Mulakan perniagaan 2. Memberi semangat
BAHAGIAN 5: PENDAPAT TOKOH		
50:49	Pendapat tokoh tentang perniagaan orang Melayu	1. Banyak kelemahan 2. Tidak menepati janji 3. Banyak alasan
51:90	Harapan tokoh untuk orang Melayu	1. Mahu orang Melayu berjaya
52:90	Perubahan untuk orang Melayu	1. Teruskan berusaha
53:58	Berpuas hati dengan pencapaian yang di	1. Berpuas hati

	kecapi?	2. Bersyukur
54:42	Mahu anak-anak mewarisi perniagaan?	1. Ingin anak-anak mewarisi perniagaan
54:75	Harapan tokoh dalam perniagaan	1. Ingin lebih berjaya dalam perniagaan
55:48	Adakah bersedia jika menghadapi kegagalan?	1. Bersedia dan akan menerima jika itu yang ditetapkan
56:74	Kesan GST terhadap perniagaan	1. Tidak ada masalah 2. Berbaloi untuk pengguna
57:78	Mampukah orang Melayu menandingi orang Cina?	1. Agak susah kerana terlalu banyak perbezaan
58:73	Adakah akan menerima jika dijemput untuk memberi ceramah?	1. Tidak akan pergi tetapi akan memberi nasihat jika ada sesiapa yang meminta nasihat

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
1.00ptg - 3.00ptg	14 Mei 2015	Panggilan Telefon Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	
9.00pg - 11.00pg	17 Mei 2015	Panggilan Telefon Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk berjumpa.	
11.00pg-2.00ptg	19 Mei 2015	<u>Perjumpaan pertama bersama tokoh.</u> Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk mengenali tokoh bagi peringkat awal.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
12.00tgh- 2.00ptg	20 Mei 2015	<u>Proses pembuatan soalan</u> Proses pembuatan soalan dibuat berdasarkan penerangan daripada tokoh. Pembuatan soalan bertujuan untuk memudahkan tokoh mengetahui apa yang akan ditanya.	
1.00ptg - 3.00ptg	21 Mei 2015	<u>Perjumpaan kedua bersama tokoh.</u> Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk menerangkan kepada tokoh serba sedikit mengenai proses temubual.	Catatan akhir dilakukan untuk proses temubual
9.00pg -	24 Mei	<u>Sesi temubual bersama tokoh</u>	Catatan dan rakaman

11.00pg	2015	Sesi temubual berlaku di Sri Perkasa Chalet, Kampung Sungai Dua iaitu chalet milik tokoh. Sesi temubual bertujuan untuk mengetahui tentang pengalaman tokoh sebagai pengusaha industri pelancongan yang berjaya.	dilakukan untuk sesi temubual bersama tokoh.
---------	------	--	--

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang diri Encik?
 - Nama penuh
 - Nama gelaran
 - Umur
 - Tarikh lahir
 - Tempat lahir

2. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang keluarga Encik?
 - Nama bapa
 - Nama Ibu
 - Pekerjaan bapa
 - Pekerjaan ibu
 - Negeri kelahiran ibu dan bapa
 - Bilangan adik-beradik
 - Encik anak yang ke berapa?

3. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai keluarga Encik sekarang?
 - Bila Encik berkahwin?
 - Sudah berapa lama Encik mendirikan rumah tangga dengan isteri tercinta?
 - Nama isteri
 - Umur isteri
 - Negeri kelahiran isteri
 - Pekerjaan isteri
 - Bilangan anak
 - Berapa lelaki dan berapa perempuan?

- Nama dan umur anak-anak
- Adakah anak-anak masih belajar atau sudah bekerja?
- (Jika sudah bekerja) Apakah pekerjaan anak-anak?

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

4. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai pendidikan Encik? Bilakah Encik memulakan zaman persekolahan?

- Sekolah rendah
 - Nama
 - Tahun
 - Pencapaian
 - Kenangan pahit dan manis
 - Nama gelaran
- Sekolah menengah
 - Nama
 - Tahun
 - Pencapaian
 - Kenangan manis
 - Nama gelaran

5. Apakah cita-cita Encik semasa di sekolah?

- Sekolah rendah
- Sekolah menengah

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL TOKOH

6. Boleh Encik kongsi pengalaman bekerja Encik sejak kali pertama Encik bekerja?

Bila kali pertama Encik mula bekerja?

7. Berapakah umur Encik ketika itu?

8. Dimanakah tempat kerja Encik?

9. Berapa lamakah Encik bekerja?
10. Berapakah pendapatan yang Encik dapat?
11. Adakah Encik masih bekerja sebagai nelayan? (Jika tidak) Mengapa?
12. Adakah Encik mempunyai pengalaman kerja yang lain?

BAHAGIAN 4: PERNIAGAAN TOKOH

13. Mengenai perniagaan Encik, bagaimana Encik mendapat idea untuk memulakan perniagaan ini?
14. Bilakah Encik memulakan perniagaan Encik?
15. Mengapa Encik memilih untuk membuka perniagaan ini?
16. Adakah Encik memulakan perniagaan ini seorang diri atau bersama rakan atau keluarga?
17. Bagi memulakan perniagaan pertama Encik, dari manakah Encik mendapatkan modal?
18. Berapakah modal yang Encik gunakan untuk memulakan perniagaan itu?
19. Bagaimana Encik menjalankan perniagaan Encik?
20. Dimanakah Encik memulakan perniagaan Encik?
21. Mengapa Encik memilih tempat tersebut untuk memulakan bisnes?
22. Bagaimana reaksi penyewa terhadap perniagaan Encik?
23. Adakah hasil perniagaan Encik mendapat sambutan yang memberangsangkan?
24. Adakah hasil perniagaan Encik kali pertama mencapai sasaran seperti yang Encik anggarkan?
25. Apakah strategi yang Encik gunakan untuk mempromosikan perniagaan ini?
26. Adakah Encik bercadang untuk meluaskan lagi perniagaan Encik?
27. Bilakah Encik bercadang meluaskan perniagaan bagi mempromosikan chalet Encik?
28. Apakah nama chalet Encik?
29. Bilakah tarikh pembukaan chalet Encik?
30. Mengapa pilih nama tersebut?
31. Adakah Encik mempunyai rakan kongsi dalam membuka perniagaan ini?
32. Apakah keistimewaan utama chalet Encik?

33. Boleh Encik ceritakan sedikit mengenai penyewa yang datang menyewa chalet Encik?
34. Kebanyakan penyewa Encik terdiri dari bangsa apa?
35. Adakah pelancong dari luar negara datang mengunjungi pantai ini dan menyewa chalet Encik?
36. Bagaimana Encik berunding dengan penyewa yang banyak ragam?
37. Selain daripada membuka chalet, adakah Encik ada membuat perniagaan lain?
38. Adakah pulangan dari perniagaan chalet Encik memberangsangkan?
39. Adakah keuntungan perniagaan Encik mencapai sasaran yang Encik anggarkan?
40. Apakah halangan yang Encik lalui sepanjang Encik memulakan dan menjalankan perniagaan sehinggalah sekarang?
41. Bagaimana Encik mengatasi halangan-halangan tersebut?
42. Pernahkah Encik fikir perniagaan Encik akan gagal?
43. Adakah Encik pernah terfikir untuk hentikan perniagaan ini?
44. Siapakah yang paling banyak memberi dorongan kepada Encik untuk meneruskan perniagaan ini?
45. Adakah Encik pernah menerima apa-apa anugerah sebelum ini? Boleh Encik ceritakan tentang bagaimana Encik mendapat anugerah tersebut dan dari siapa?
46. Pernahkah Encik dijemput untuk memberi taklimat atau mempromosikan perniagaan Encik dimana-mana?
47. Adakah Encik mempunyai akaun laman social untuk mempromosikan perniagaan encik?
48. (Jika tidak) Adakah Encik bercadang untuk berbuat demikian?
49. Pernahkah Encik merujuk kepada sesiapa untuk memulakan perniagaan ini?
50. Boleh Encik ceritakan sedikit mengenai orang tersebut?

BAHAGIAN 5: PENDAPAT TOKOH

51. Apakah pendapat Encik mengenai perniagaan orang Melayu?
52. Adakah Encik mengharapkan lebih ramai orang Melayu yang berani untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan ini?
53. Pernahkah terdapat individu yang meminta serba sedikit pendapat atau cadangan Encik untuk memulakan perniagaan?
54. Adakah Encik berpuas hati dengan kejayaan yang telah Encik capai ini?
55. Adakah Encik mahu anak-anak Encik mengikuti jejak langkah Encik dengan menceburi bidang perniagaan?
56. Apakah matlamat dan harapan Encik dalam bidang perniagaan ini?
57. Adakah Encik pernah mengimpikan untuk berjaya seperti sekarang?
58. Adakah Encik bersedia dalam menghadapi sebarang kegagalan dan bangkit kembali?
59. Bolehkah Encik berkongsi cara bagaimana untuk bangkit daripada kegagalan?
60. Apakah kualiti yang perlu ada pada seseorang untuk berjaya dalam sesuatu bidang?
61. Pada pendapat Encik, setiap kali kenaikan harga barang adakah perniagaan Encik akan terjejas ataupun sebaliknya?
62. Pada pendapat Encik, mampukah perniagaan orang Melayu menandingi kaum lain?
63. Jika Encik ditawarkan untuk memberi taklimat dan berkongsi serba sedikit pengetahuan Encik dalam bidang perniagaan kepada mereka diluar sana, adakah Encik bersetuju? Kenapa?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan MOHAMAD B. AWANG Pada 24.5.2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

SRI PERKASA CHALET
..Kampung Sungai Dua.....
16310 Bachok
Pengkalan (T. Okoh)

.....
Dr. Mohd Nesir Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

GAMBAR



Gambar 1: Semasa sesi temubual



Gambar 2: Encik Mohamad
Awang



Gambar 3: Semasa sesi temubual



Gambar 4: Penyampaian
Cenderahati



Gambar 5: Keratan surat khabar



Gambar 6: Keratan surat khabar



Gambar 7: Chalet milik tokoh



Gambar 8: Chalet milik tokoh

INDEKS